

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1993/94

**YBP 302/4 - Penilaian Bahan-Bahan Komunikasi
Untuk Pembangunan**

April 1994

Masa: [3 jam]

Jawab **TIGA** soalan.

1. Andaikan anda ingin menilai kempen pencegahan AIDS, terangkan bagaimana anda akan menjalankan penilaian secara (a) formatif dan (b) sumatif.

Untuk setiap penilaian tersebut terangkan dengan sistematik tiap-tiap langkah penyelidikan (misalnya matlamat, pencernaan konsep, persampelan, pembentukan soalan dan lain-lain) dan berikan alasan untuk setiap langkah dan cadangan anda.

(100 markah)

2. Ramai penilai komunikasi masih merasa ragu-ragu tentang kegunaan kaedah kualitatif. Terangkan mengapakah ini berlaku. Terangkan jenis penilaian di mana kaedah kualitatif lebih sesuai digunakan daripada kaedah kuantitatif.

(100 markah)

3. "Komunikasi visual adalah suatu proses yang mengandungi dua tumpuan, iaitu, pengirim/mesej dan audiens/mesej; setiapnya berfungsi dengan kerangka andaian dan jangkaan masing-masing. Seperti yang saya huraikan, memang tidak ada asas yang logik untuk mengandaikan bahawa perlunya ada perkaitan di antara kedua-duanya" (Sless, 1981:79).

Jelaskan apa yang dimaksudkan oleh penulis bahawa proses komunikasi mempunyai dua tumpuan. Apakah implikasi petikan ini untuk seorang penilai bahan-bahan komunikasi?

(100 markah)

...2/-

4. Terangkan apakah teori kognitif sosial dan bagaimana pemahaman teori ini boleh membantu dalam penilaian bahan-bahan komunikasi?

(100 markah)

-oooOooo-